

14/04/1997

Antara kepentingan parti dan diri

Sut

SECARA umum dapat dikatakan minggu ini banyak berita menarik. Paling hangat ialah peletakan jawatan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam sidang akhbarinya kelmarin berkata: "Keputusan peletakan jawatan itu dibuat atas kehendak Muhammad sendiri bagi mengelakkan sebarang laporan mengenai dakwaan ke atas dirinya dikaitkan dengan Umno demi menjaga imej parti. Majlis Tertinggi (MT) menerima keputusan Muhammad itu yang dibuatnya dengan kehendaknya sendiri supaya sebarang siasatan tidak akan mencemarkan nama Umno."

Berita ini tentulah memberi ruang kepada pelbagai orang menafsir dan mengulas serta menganalisisnya. Walaupun Perdana Menteri menyatakan 'MT tidak membuat keputusan berhubung pengganti Muhammad, sebaliknya perkara itu akan dirundingkan kemudian' ini tidak boleh menghalang pelbagai pihak untuk bercakap dan membuat unjurannya sendiri serta meramalkan kejadian yang bakal terjadi. Tentulah tidak kurang pula yang mula melobi untuk mendapatkan jawatan itu.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang dalam kenyataannya menyatakan memang Muhammad sepatutnya sudah lama meletakkan jawatan. Tetapi kata Mahathir: "Siapa peduli parti pembangkang. Seolah-olah kita tidak bertanggungjawab."

Kita dari hati ke hati mempunyai pandangan sendiri yang mungkin dipersetujui dan mungkin juga tidak oleh ramai orang. Apapun yang berlaku, sama ada Muhammad didapati bersalah atau tidak, kita menghormati dan menyanjung tinggi peletakan jawatan Muhammad kerana kebimbangannya kesnya itu akan membabitkan Umno sebagai parti politik yang beliau adalah salah seorang pemimpin utamanya. Sebagaimana kata Dr Mahathir: "Kita prihatin dengan Umno. Pasal dia bertanggungjawab, hak dia untuk buat keputusan. Ahli parti tidak harus memburukkan nama parti dengan membuat sesuatu yang mungkin menimbulkan nama buruk kepada parti."

Sewaktu menjawab soalan lain daripada pemberita, Dr Mahathir menekankan lagi, "keputusannya itu adalah untuk tidak mengaitkan kesnya dengan Umno. Sebarang siasatan bukan siasatan terhadap Umno tetapi terhadap dirinya."

Bukan hendak memuji Muhammad, tetapi kenyataan daripada tindakannya meletakkan jawatan berikutan dengan kesnya di Australia itu menunjukkan beliau memandang parti lebih penting daripada dirinya sebagai individu. Baginya persoalan diri secara individu dengan persoalan parti adalah dua persoalan yang berbeza. Persoalan dirinya secara peribadi biarlah diselesaikannya secara peribadi dan dia nampaknya tidak mahu membabitkan parti.

Ini satu sikap yang patut dipuji. Ketika ramai orang tidak dapat membezakan antara persoalan parti dengan peribadi, Muhammad masih dapat membezakannya.

Perpaduan dalam Umno amatlah penting. Dan seorang pemimpin yang bertanggungjawab harus memahami bagaimana pentingnya persoalan parti berbanding individu.

Baru-baru ini, dalam satu peristiwa kecil di Kelantan yang dihadiri oleh Perdana Menteri, tidak ramai ketua bahagian Umno yang hadir. Ini kerana majlis itu berlangsung di premis seorang individu yang tidak digemari oleh ramai ketua bahagian. Dan, kita mendapat tahu Perdana Menteri berasa kecil hati kerana berlakunya peristiwa itu. Ketua-ketua bahagian Umno di negeri itu masih tidak dapat membezakan antara kepentingan perpaduan parti iaitu

Umno dengan kepentingan pemuasan hati sendiri secara individu.

Seorang ketua, sama ada yang dipilih atau yang dilantik semestinya dihormati oleh pengikutnya, tidak kira sama ada pengikutnya bersetuju atau tidak dengan pemilihan atau perlantikan itu. Perbuatan pulau-memulau kerana persoalan peribadi antara seorang pemimpin dengan pemimpin yang lain di negeri itu menyebabkan Kelantan masih diperintah oleh pembangkang.

Jika ini tidak diubah segera, kita percaya cita-cita untuk menawan semula Kelantan hanya tinggal angan-angan Mat Jenin saja.

Dalam hal inilah kita menghormati keputusan Muhammad meletakkan jawatannya.

Dia lebih mengutamakan parti daripada dirinya sendiri. Memang itu adalah satu tindakan yang wajar. Apalah yang ada pada diri kita secara peribadi berbanding masyarakat, bangsa dan negara yang sedang menuju kecemerlangannya.

Seorang sahabat baik kita sewaktu melontarkan komentarnya kepada kita menyatakan: "Saya lihat Perdana Menteri sugul dengan kes semacam ini. Sebaiknya ahli Umno yang menimbulkan banyak masalah kepada Perdana Menteri sebagai Presiden Umno, tidak kira apa pun jawatan dan kedudukannya sepatutnya meletakkan jawatan seperti yang dilakukan oleh Muhammad."

Kita fikir ada juga benarnya apa yang dikatakan oleh sahabat karib kita itu. Hanya dengan begitu Umno akan lebih cemerlang.

(END)